

CNS8500

U CB 04-09 00202 BA408

Bah

Mahathir - Bawaran

MELAKA. 4 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata orang ramai akan hanya dikenakan bayaran yang sedikit sahaja jika semua agensi kerajaan mula mengenakan bayaran bagi perkhidmatan yang selama ini diberi secara percuma.

Perdana Menteri berkata bayaran itu tidak akan membebankan dan orang ramai mampu membayarnya.

+Sikit sahaja yang dia kena bayar. Saya tidak boleh percaya bahawa orang ramai tidak boleh bayar,+ katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet yang diadakan di sini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataannya semalam bahawa semua kementerian, agensi dan jabatan kerajaan hendaklah mencari sumber kewangan sendiri termasuk mengenakan sedikit bayaran bagi perkhidmatan yang selama ini diberikan percuma seperti pengeluaran borang.

Katanya, orang ramai sememangnya akan berasa kecewa tetapi mereka perlulah membayar jika mahukan sesuatu yang baik

+Kita selalu nak semuanya percuma tetapi kita nak yang baik-baik. Kita nak jalan yang baik tetapi tidak mahu bayar tol. Kita nak kerajaan sediakan semuanya tetapi kita tidak hendak bayar cukai,+ katanya.

Beliau berkata orang ramai tidak seharusnya menganggap segala yang diberi oleh kerajaan adalah percuma kerana kerajaan juga terpaksa membayar untuk menyediakan perkhidmatan itu. -- Lagi.

♥04/09/17-07MST

U CB 04-09 00123 BA409

Bah

Mahathir - Bayaran 2 Melaka

Di Jitra, ketika mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir semalam, Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff berkata kerajaan Kedah sedang mengkaji beberapa punca kewangannya termasuk mengenal pasti jenis perkhidmatan yang boleh dikenakan bayaran.

Ini bagi membolehkan kerajaan negeri berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada kerajaan Pusat.

Beliau berkata, setakat ini semua projek yang dijalankan di negeri ini dibiayai oleh kerajaan negeri sendiri tetapi kerajaan negeri mungkin terpaksa meminta bantuan kerajaan Pusat bagi melaksanakan sesuatu projek baru sekiranya menghadapi masalah kewangan.

Tan Sri Haji Osman berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Hari Limau Bali peringkat negeri di Dewan Merdeka Jitra hari ini. -- Lagi.
/SY.

♥04/09/17-15MST

U GB 04-09 00174 BA410

Bah

Mahathir - Bayaran 3 Melaka

Di KANGAR, Menteri Besar Perlis Dr. Abdul Hamid Pawanteh berkata, kerajaan negeri akan mengenakan bayaran bagi perkhidmatan tertentu termasuk menjual sesetengah borang permohonan mulai Januari tahun depan bagi meningkatkan sumber kewangannya.

Antara borang-borang yang akan dijual ialah borang permohonan tanah dan borang yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Kangar (MPK).

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Negeri, beliau berkata mesyuarat itu memutuskan langkah itu berikutan saranan Perdana Menteri itu.

Apabila ditanya tentang kemungkinan akan berlaku kegiatan mencetak borang palsu ekoran langkah itu, beliau berkata, setiap borang yang sah akan mempunyai nombor siri tertentu bagi mengelakkan penipuan.

Mesyuarat Exco itu turut memutuskan langkah-langkah lain yang patut diambil termasuk mengenakan sewa kepada pengguna dewan-dewan milik kerajaan dan mengenakan bayaran masuk ke Taman Ular di Sungai Batu Pahat.

Beliau berharap rakyat Perlis menerima pendekatan baru itu dengan fikiran terbuka kerana ia akan digunakan untuk menambah pendapatan negeri yang akhirnya akan menenangkan rakyat juga. -- Bernama. /AD.

♥04/09/17-22MST